

DRAF RANCANGAN TEMPATAN BANDARAYA IPOH



(PENGANTIAN)

2035

JILID III : PELAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN





DRAF RANCANGAN TEMPATAN ISI KANDUNGAN

BANDARAYA
IPOH 2035
PENGGANTIAN

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT	
BAHAGIAN I : PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN		
1.0	PENDAHULUAN	1-1
2.0	MBI SEBAGAI PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	1-2
3.0	MBI SEBAGAI PIHK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN (PBPT)	1-3
	3.1 Fungsi dan Peranan PBT	1-3
	3.2 Penyediaan Draf Rancangan Tempatan	1-3
4.0	GOVERNANS MAMPAN	1-4
	4.1 Prinsip Governans Baik, ESCAP 2010	1-4
	4.2 Agenda ICLEI	1-4
	4.3 Pelaksanaan Program Local Agenda 21	1-6
5.0	PENGURUSAN PERANCANGAN	1-8
	5.1 Perundangan	1-8
	5.2 Tanggungjawab Perancangan Bandar dan Desa di MBI	1-9
	5.3 Sumber Kewangan	1-10
6.0	ANALISIS QUICK WIN	1-11
	6.1 Penetapan Cadangan Berasaskan Projek Quick Win, Projek Berimpak Tinggi dan Projek EPP/Sokongan	1-11
	6.2 Cadangan Projek Mengikut Teras dan Cadangan Pembangunan	1-12



DRAF RANCANGAN TEMPATAN ISI KANDUNGAN

BANDARAYA
IPOH2035
PENGGANTIAN

ISI KANDUNGAN	MUKASURAT	
BAHAGIAN II : PENILAIAN KEMAMPMANAN		
1.0	PENDAHULUAN	2-1
1.1	Konsep dan Takrifan Pembangunan Mampan	2-1
1.2	Prinsip dan Ciri Penilaian Kemampamanan	2-2
1.3	Ciri – ciri Penilaian Kemampamanan	2-2
2.0	KAEDAH PENILAIAN KEMAMPMANAN	2-3
2.1	Pendekatan dan Proses Penilaian Kemampamanan	2-3
3.0	OBJEKTIF KEMAMPMANAN	2-4
4.0	PENILAIAN KEMAMPMANAN STRATEGI PEMBANGUNAN	2-6
4.1	Pembentukan Dan Penilaian Strategi Pembangunan	2-6
4.2	Pembentukan Cadangan Pembangunan RT MBI (Penggantian)	2-7
4.3	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan	2-14



DRAF RANCANGAN TEMPATAN SENARAI JADUAL

BANDARAYA
IPOH2035
PENGGANTIAN

NO	KANDUNGAN	M/S
4.1	Antara peranan tiga pihak dalam Local Agenda 21	1-7
5.1	Hubungan Jabatan di MBI dengan Jabatan Perancang Bandar MBI	1-9
5.2	Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MBI 2015 – 2018	1-10
6.1	Definisi impak masa pelaksanaan dan impak masa pulangan	1-11
6.2	Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)	1-12
4.1	Matrik Keserasian Cadangan Strategi Pembangunan RT MBI 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampanan	2-8



DRAF RANCANGAN TEMPATAN SENARAI RAJAH BANDARAYA **IPOH2035** PENGGANTIAN

NO	KANDUNGAN	M/S
4.1	Konsep LA21 bagi Majlis Bandaraya Ipoh	1-7
2.1	Proses Penilaian Kemampanan RT MBI 2035 (Penggantian)	2-3
4.1	Rumusan Penilaian Keserasian Cadangan Pembangunan RT MBI 2035 (Penggantian) dengan Objektif Kemampanan	1-7



BAHAGIAN I

PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

Bahagian I ini membincangkan cadangan bagi sektor pengurusan dan pelaksanaan yang akan dapat membantu ke arah pelaksanaan RT MBI 2035 (Penggantian).

Mukasurat ini sengaja ditinggalkan kosong.

1.0 PENDAHULUAN

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171) dan sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) seperti mana yang telah termaktub dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Ia juga merupakan agensi yang bertanggungjawab bagi pengurusan dan pelaksanaan Rancangan Tempatan yang telah disediakan dan diwartakan.


Kejayaan MBI sebagai PBT serta PBPT dan dalam pelaksanaan RT MBI 2035 (Penggantian) bergantung kepada beberapa faktor utama khususnya :

- Pelaksanaan governans baik sebagai PBT dan PBPT
- Inklusif dalam penglibatan pihak berkepentingan
- Keupayaan MBI sebagai PBPT
- Kejayaan dalam pelaksanaan projek dan program
- Pemantauan, penilaian dan kajian semula perancangan yang berkesan

Perkara di atas adalah selaras dengan peranan MBI dalam merealisasikan pembangunan mampan dan berdaya saing di Bandaraya Ipoh :

MBI sebagai PBPT bertindak sebagai :

- 1** Penterjemah, penyelaras dan pelaksana Dasar dan Strategi Pembangunan Mampan yang diterima pakai oleh organisasi peringkat global, nasional dan negeri.
- 2** Perantara dan penyelaras Agenda Pembangunan Mampan melalui teras sosial, ekonomi, alam sekitar, budaya dan governans bersama penduduk tempatan melalui program Agenda 21 Tempatan.
- 3** Pelaksanaan dasar dan strategi rancangan pembangunan peringkat negeri dan peringkat tempatan.
- 4** Penterjemah dan pemantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan dalam dokumen perancangan fizikal nasional (RFN, DPN dan lain - lain) dan negeri (RSN Perak dan lain – lain) ke dalam Rancangan Tempatan (RT).



2.0 MBI SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

MBI ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Selain daripada menjalankan fungsinya sebagai PBPT di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) MBI juga perlu melaksanakan fungsinya di bawah Akta 171. Bahagian – bahagian yang sangat berkaitan dengan perancangan bandar dinyatakan di sini. Fungsi MBI sebagai PBT di bawah Akta 171 merupakan justifikasi dalam penyediaan sumber tenaga kerja dan kewangan yang mencukupi kepada MBI amnya dan kepada PLANMalaysia khususnya. Hal ini adalah berkaitan dengan tanggungjawab MBI sebagai PBPT mampan, khususnya dalam perancangan dan pembangunan melalui empat (4) teras pembangunan yang digunakan di dalam RT ini.



BAHAGIAN II AKTA 171: PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

SEKSYEN 8 : Pentadbiran Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Menerangkan bahawa hal ehwal kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah ditadbir oleh sesuatu pihak.

SEKSYEN 9 : Kuasa Pihak Berkuasa Negeri Untuk Memberi Arahan

Menyatakan bahawa PBT hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengenai maklumat akaun, penyata dan maklumat lain yang berpatutan dari semasa ke semasa. Selain itu, PBT juga akan menerima dan menggunakan arahan am atau dasar dari PBN dalam menjalankan peranan PBT.



BAHAGIAN VII: TEMPAT AWAM

SEKSYEN 63: Pengawalan Tempat Awam dan sebagainya

PBT berkuasa dan bertanggungjawab menjalankan kawalan dan jagaan am ke atas semua tempat dalam kawasan mereka.

SEKSYEN 64 – SEKSYEN 68 :

PBT bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk membaik pulih, membesar, mendirikan bangunan untuk kegunaan awam, menutup dan menamakan tempat awam di bawah kelolaan mereka.



BAHAGIAN V: PERUNTUKAN AM KEWANGAN

SEKSYEN 39: Hasil Pihak Berkuasa Tempatan

Antara hasil kutipan PBT terdiri daripada :

- Cukai, kadar sewa, bayaran lesen dan lain – lain wang atau caj yang perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- Caj atau keuntungan yang terbit daripada apa – apa perdagangan, perkhidmatan atau pengusahaan yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu di bawah kuasa yang terletak hak padanya.
- Bunga atas apa – apa wang yang dilaburkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu dan semua pendapatan yang terbit daripada harta alih Pihak Berkuasa Tempatan itu.
- Hasil lain kepada Pihak Berkuasa Tempatan itu daripada Kerajaan Persekutuan atau mana – mana Kerajaan Negeri atau daripada mana – mana badan berkanun, lain – lain Pihak Berkuasa Tempatan seperti pemberian, sumbangan, *endowmen* dan sebagainya.

3.0 MBI SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANGAN TEMPATAN (PBPT)

Peruntukan undang – undang bagi Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT) diperuntukkan di bawah subseksyen 5(1) Akta 172.

Ini bermaksud setiap PBT, sebagai PBPT, bertanggungjawab dalam melaksanakan perancangan pembangunan di dalam kawasannya seiring dengan konteks pembangunan negeri dan nasional.

3.1 FUNGSI DAN PERANAN PBT



Tiga (3) fungsi PBPT yang disenaraikan di bawah Seksyen 6 Bahagian II adalah seperti berikut :

- Untuk mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan, penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya.
- Untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyelenggaraan dan penyiaran perangkaan buletin, monograf dan penyiaran lain yang berhubungan dengan Perancangan Bandar dan Desa dan perkaedahannya.
- Untuk melaksanakan apa – apa fungsi lain yang ditugaskan kepadanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau oleh Jawatankuasa.

3.2 PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN

SEKSYEN 12: (2) Jika suatu Rancangan Struktur bagi Negeri telah berkuatkuasa, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah dengan secepat mungkin menyediakan suatu Draf Rancangan Tempatan bagi seluruh kawasannya.

(3) Suatu Draf Rancangan Tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis dan hendaklah :

(a) merumuskan, yang mengandungi apa – apa perincian yang difikirkan sesuai oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan mengenai cadangannya bagi :

- i. Memajukan;
- ii. Menggunakan tanah;
- iii. Melindungi dan memelihara alam sekitar dari segi fizikal;
- iv. Memelihara topografi semula jadi;

SEKSYEN 5 AKTA 172:

(1) Tiap – tiap Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menjadi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.



- v. Memperbaiki landskap;
- vi. Memelihara dan menanam pokok;
- vii. Menyediakan tanah lapang;
- viii. Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan;
- ix. Memperbaiki sistem komunikasi; dan
- x. Menguruskan lalu lintas.

Kawasan Rancangan Tempatan; dan

(b) Mengandungi perkara yang ditetapkan atau yang ditentukan oleh Jawatankuasa dalam apa – apa hal yang tertentu.


4.0 GOVERNANS MAMPAN

Governans adalah penting untuk kemampanan dan memerlukan PBT dan PBPT supaya efisien, efektif, bertanggungjawab dan adil terhadap komuniti di dalam kawasannya. Dalam konteks RT MBI 2035 (Penggantian), yang diutamakan ialah governans baik dalam pelaksanaan perancangan RT ini.

Berikut ialah beberapa perspektif governans baik yang disaran untuk diamalkan oleh MBI sepenuhnya sebagai sokongan dalam pelaksanaan RT MBI 2035 (Penggantian).

4.1 PRINSIP GOVERNANS BAIK, ESCAP 2010

Pengurusan dan pelaksanaan perancangan oleh MBI serta kaedah pelaksanaan cadangan projek dan RT MBI 2035 (Penggantian) akan berpandu dan berdasarkan prinsip governans baik daripada *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP) 2010*.



Sumber : United Nation, 2010.

4.2 AGENDA ICLEI

International Council for Local Government (ICLEI) yang bertemakan *Local Governments for Sustainability* adalah merupakan persatuan yang ditubuhkan bagi memandu ke arah pembentukan pembangunan mampan di peringkat antarabangsa.

ICLEI berfungsi untuk memupuk dan menggalakkan inisiatif bagi mencapai kelestarian di peringkat global dan membentuk sesebuah bandar ke arah yang lebih mampan, berdaya tahan, pengurusan sumber dan biodiversiti yang cekap, rendah karbon, berupaya membina jaringan infrastruktur pintar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau dan inklusif.

ICLEI telah bekerjasama dengan banyak kerajaan tempatan di seluruh dunia untuk memupuk kesedaran politik dalam kalangan ahlinya melalui 10 Agenda Kemampanan. Oleh yang demikian, MBI perlu mengambil faedah daripada pengalaman dan perkongsian melalui *ICLEI*.



Berikut menerangkan 10 agenda ICLEI yang telah diketengahkan dalam pembentukan pembangunan mampan di peringkat antarabangsa.

10 AGENDA ICLEI

Sustainable City Agenda

Matlamat keseluruhan ICLEI adalah mewujudkan bandar – bandar mampan yang mempunyai alam sekitar yang baik, keadaan sosial, ekonomi, komuniti yang sihat dan berdaya tahan dan memberi jaminan serta memenuhi keperluan untuk generasi akan datang. Pengintegrasian dasar – dasar digunakan bagi mencapai matlamat ekologi dan sosial yang disokong dengan potensi ekonomi.

Low Carbon City Agenda

Pembentukan Bandar Rendah Karbon dapat dilaksanakan secara berperingkat ke arah mencapai status karbon neutral, bandar berdaya tahan, keselamatan tenaga, pembangunan ekonomi hijau dan disokong oleh penyediaan infrastruktur yang hijau dan stabil. Kolaborasi di antara pelbagai pihak dari peringkat antarabangsa, persekutuan, negeri dan tempatan amat diperlukan bagi mengoptimumkan langkah perlindungan dan pemuliharaan iklim.

Smart City Agenda

Sebuah Bandar Pintar menggunakan elemen Bandar Pintar ke dalam operasi dan pengurusan pembangunan bandar dan dipandu oleh matlamat ke arah menjadi bandar yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Eco Mobile City (Sustainable Urban Mobility Agenda)

Bandar *Ecomobile* memenuhi objektif pembentukan bandar yang boleh diakses dengan menggunakan prinsip *Sustainable Urban Mobility* ke arah pengurangan pelepasan gas rumah hijau, penjimatan tenaga dan meningkatkan mobiliti terutamanya dalam bandar.

Biodiversity Agenda

Bandar yang mempunyai kepelbagaiannya bio (*BiodiverCity*) turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi semasa, kemampunan dan kesejahteraan sosial. Ia juga merupakan penyumbang utama bagi sesebuah bandar mencapai matlamat kemampunan biodiversiti di peringkat global.

Sumber: <http://kcc.iclei.org/home/agendas-10.html>

Happy, Healthy and Inclusive Communities Agenda

Komuniti yang gembira, sihat dan inklusif juga merupakan penyumbang ke arah pertumbuhan KDNK yang seimbang dan pembangunan yang mampan dan berdaya saing. Masyarakat yang mempunyai kualiti hidup yang baik menawarkan pendidikan, budaya kerja hijau serta tadbir urus yang cemerlang.

Pengurusan Sumber Cekap dan Agenda Bandar Produktif

Bandar yang mempunyai pengurusan sumber yang cekap juga dikenali sebagai *Eco-Cities* (Bandar Eko) – memastikan pembangunan sosio – ekonomi dipisahkan dengan eksloitasi sumber dan impak kepada ekologi. Meminimumkan penggunaan sumber bagi mengelakkan kemerosotan kualiti alam sekitar dan mengurangkan penjanaan sisa.

Agenda Bandar Berdaya Tahan

Bandar Berdaya Tahan merupakan bandar yang bersedia menerima dan pulih dari sebarang tekanan dan kejutan pembangunan dan mampu mengekalkan fungsi, struktur dan identitinya di samping terus berkembang maju.

Sustainable Local Economy and Procurement Agenda

Pembangunan ekonomi yang mampan meningkatkan kesejahteraan komuniti dan ekuiti sosial, serta mengurangkan risiko alam sekitar dan kekurangan sumber semula jadi. Ekonomi yang mampan adalah ekonomi yang mempunyai pengurusan sumber yang cekap, rendah karbon, bertanggungjawab sosial dan pelbagai.

Sustainable City Region Cooperation Agenda

Kerajaan di peringkat nasional dan subnasional adalah merupakan penggerak utama bagi mencapai tahap kemampunan secara global. Dasar, rancangan dan inisiatif pembangunan yang dibentuk selari dengan prinsip – prinsip kemampunan. Selain itu, rangka kerja di peringkat tempatan perlu disediakan bagi menggerakkan pelaksanaan pembangunan mampan di pelbagai peringkat.

4.3 PELAKSANAAN PROGRAM LOCAL AGENDA 21

Pembangunan mampan yang digunakan oleh MBI perlu disokong oleh semua pihak berkepentingan yang menggembung tenaga ke arah kemampunan. Kaedah yang terbaik ialah melalui pelaksanaan Bab 28, Agenda 21 Dunia, khususnya melalui program Agenda 21.

PERANAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN

PBT

Merupakan peneraju utama dalam mekanisma perkongsian Local Agenda 21 serta membantu lain – lain pihak yang berkepentingan memahami isu dan kekangan yang menghalang kepada penyelesaian permasalahan tersebut.

AHLI MAJLIS

Berperanan aktif dalam perkongsian LA21. LA21 turut menyediakan peluang kepada Ahli Majlis yang proaktif untuk mengukuhkan kehadiran dan peranan mereka di kalangan komuniti.

AGENSI KERAJAAN

Memberikan pandangan berguna terhadap isu – isu dan permasalahan dalam konteks yang lebih luas berlaku di bandar berkenaan kepada masyarakat dan pihak yang berkepentingan.

KOMUNITI

Terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai kepentingan dan latar belakang dan menyampaikan pandangan masing – masing dalam perkongsian LA21.

4.3.1 AGENDA 21 – BAB 28 – Inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dalam Merealisasikan Pembangunan Mampan

Asas Tindakan :

Penglibatan dan sumbangan PBT berupaya mencapai objektif kemampunan dalam menyelesaikan isu – isu yang timbul di kawasan kajian. Hal ini kerana PBT berperanan untuk membangunkan dan mengekalkan ekonomi semasa dan masa depan. Menyediakan kemudahan sosial dan infrastruktur yang diperlukan, mengawal proses perancangan yang cekap dan berkesan, mewujud dan melaksana dasar – dasar dan peraturan pengawalan persekitaran dan melaksanakan dasar dan polisi peringkat nasional dan antarabangsa di peringkat tempatan.

Cadangan Aktiviti :

1

Mengadakan program dialog bersama masyarakat setempat, organisasi atau persatuan penduduk, secara berkala dan mengambil kira maklumbalas dan pandangan dari organisasi atau pihak yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan.

2

Maklumbalas daripada pihak terbabit akan dapat membantu PBT membuat penambahbaikan terhadap cadangan – cadangan dalam pelan pembangunan di peringkat tempatan dan wilayah serta memudahkan perolehan pembiayaan pelaksanaan pelan pembangunan tersebut.

3


Mewujudkan perkongsian antara PBT dan organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa bagi mendapat sokongan dan input tambahan untuk penambahbaikan dan pengukuhan peranan PBT sebagai pihak pelaksana utama.

4

Selain itu, perkongsian ini juga dapat dijadikan *medium* bagi pihak atau organisasi di peringkat nasional dan antarabangsa menilai tahap dan sistem pengurusan yang telah diterapkan bagi setiap PBT, seterusnya mendapat maklumbalas bagi tujuan penambahbaikan.

Setiap PBT digalakkan bekerjasama antara satu sama lain dan mewujudkan perkongsian maklumat, pengalaman dan bantuan dan nasihat teknikal ke arah mewujudkan sistem pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan yang mampan dan efisien.

Rajah 4.1: Konsep LA21 bagi Majlis Bandaraya Ipoh



4.3.2 FUNGSI DAN PERANAN TIGA PIHAK TERLIBAT DALAM LOCAL AGENDA 21

Keperluan pihak yang berkepentingan di dalam *Local Agenda 21* ini adalah penting bagi mencapai matlamat pembangunan mampan di kawasan kajian. Berikut merupakan fungsi, peranan dan saling perkaitan di antara tiga pihak yang terlibat.

Jadual 4.1: Antara peranan tiga pihak dalam Local Agenda 21

PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MBI) DAN AGENSI KERAJAAN	MASYARAKAT(PERSATUAN PENDUDUK / NGO)	SWASTA (SYARIKAT PELANCONGAN / PEMBUATAN / PEMBINAAN / PERKHIDMATAN / PERDAGANGAN)
Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat dan program	Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat dan program	Agen Perantara – Pengantara, penyalur maklumat dan program
Perancangan Bersistemik – Membuat perancangan pengurusan yang sistematis	Perancang Bersama – Masyarakat bebas mengemukakan pandangan	Perancang Bersama – Terlibat dalam proses perancangan pembangunan
Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan strategik menyeluruh	Keputusan – Memberi pandangan bagi setiap cadangan pembangunan	Keputusan – Diberi galakan sepenuhnya untuk terlibat dalam proses membuat keputusan
Syarat Kelulusan Pembangunan – Mempertingkatkan syarat kelulusan pembangunan dan konsep EIA secara menyeluruh	Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan dan strategi menyeluruh	Pelan Tindakan – Menyediakan pelan tindakan dan strategi menyeluruh
Pemantauan – Memperkasa pemantauan aktiviti / program yang dijalankan	Pemantauan – Berkongsi tanggungjawab merancang, mengurus, melaksana & memantau pembangunan setempat	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) – Membayar Bersama
Penglibatan Bersama – Mempelbagai kaedah bagi menggalakkan penglibatan pihak berkepentingan	Kerja Berpasukan – Bekerjasama dengan MBI sebagai satu pasukan	Kerja Berpasukan – Kerjasama dengan MBI sebagai satu pasukan
Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan	Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan	Laporan Penilaian Semula – Mendokumenkan semua program / aktiviti bagi tujuan penambahbaikan

Sumber : Garis Panduan Local Agenda 21

5.0 PENGURUSAN PERANCANGAN

Perancangan yang baik oleh PBPT hanya boleh menghasilkan pembangunan yang baik dan mampan jika PBPT tersebut mempunyai kuasa dan sumber yang mencukupi serta mekanisma pengurusan yang efisien dan berkesan. Dalam hal ini, PERUNDANGAN, TENAGA KERJA DAN KEWANGAN adalah tiga aspek penting yang perlu dilihat.

5.1 PERUNDANGAN

MBI telah menerima pakai perundangan dan instrumen perancangan yang pelbagai untuk melaksana dan menguatkuaskan RT MBI 2035 (Penggantian) ini, dan juga dalam pelaksanaan projek. Ianya juga sebagai mengawal perancangan dan pembangunan oleh pihak lain. Di antaranya adalah seperti berikut :

A. AKTA YANG DIGUNA PAKAI

- **Perlembagaan Persekutuan**
- **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**
- **Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**
- **Akta Penghapusan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)**
- **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**
- **Akta Makanan 1983 dan Peraturan – Peraturan (Akta 281)**
- **Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)**
- **Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)**
- **Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)**
- **Kanun Tanah Negara 1965**
- **Akta Had Masa 1950 (Akta 254)**
- **Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736)**

B. UNDANG – UNDANG KECIL YANG DI GUNA PAKAI

- **Undang – Undang Kecil Gerai Milik Majlis (MPI) 1974**
- **Undang – Undang Kecil Penjaja (MPI) 1974**
- **Undang – undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBI) 2017**
- **Undang – undang Kecil Pengendali Makanan (MPI) 1981**
- **Undang – undang Kecil Establismen Makanan (MBI) 2017**
- **Undang – undang Kecil Mengawal Pasar Awam dan Pasar Swasta (MPI) 1984**
- **Undang – undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBI) 2012**
- **Undang – undang Kecil Pasar Malam (MPI) 1973**
- **Undang – undang Kecil Iklan (MBI) 2013**
- **Undang – undang Kecil Taman (MPI) 1985 - pindaan 2007**
- **Undang – undang Kecil Kerja Tanah (MBI) 1989**
- **Undang – undang Kecil Bangunan Lembaga Bandaran (MPI) 1977**
- **Undang – undang Kecil Bayaran Pelan Susun Atur (MPI) 1981**

Sumber : Majlis Bandaraya Ipoh, 2019.

5.2 TANGGUNGJAWAB PERANCANGAN BANDAR DAN DESA DI MAJLIS BANDARAYA IPOH

Jabatan Perancang Bandar Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab terhadap perkhidmatan perancangan yang mana fokusnya adalah terhadap perancangan strategik dan kawalan perancangan. Namun, bagi menjalankan fungsi MBI sebagai PBPT yang efisien, Jabatan ini mempunyai hubungan kerja secara langsung dengan sepuluh (10) buah jabatan dan empat (4) buah jabatan secara tidak langsung dalam menjalankan fungsinya. Jabatan Perancang Bandar terbahagi kepada lima (5) bahagian iaitu bahagian Kawalan Pembangunan, bahagian Rancangan Tempatan, bahagian Warisan Bandar dan Penguatkuasaan Perancangan serta bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

Jadual 5.1: Hubungan Jabatan di MBI dengan Jabatan Perancang Bandar MBI

BIL	JABATAN MBI	BIDANG PERANCANGAN	HUBUNGAN DENGAN JABATAN PERANCANG BANDAR	
			LANGSUNG	TIDAK LANGSUNG
01	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	Pengurusan Tenaga Kerja		/
02	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	Perancangan Strategik	/	
03	JABATAN KEJURUTERAAN	Perancangan Strategik & Kawalan Perancangan	/	
04	JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	Hubungan Masyarakat	/	
05	JABATAN PERBENDAHARAAN	Pengurusan Kewangan		/
06	JABATAN LANDSKAP	Perancangan Taman & Rekreasi	/	
07	JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN	Guna Tanah & Perancangan Tapak	/	
08	JABATAN KAWALAN PEMBANGUNAN	Pengawalan Perancangan	/	
09	JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN	Penguatkuasaan Akta 172		/
10	UNIT UNDANG – UNDANG	Pengurusan Perundangan	/	
11	UNIT PENTADBIRAN UTC PERAK	Pengurusan Pentadbiran		/
12	UNIT KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	Pengurusan Pentadbiran Awam		/
13	UNIT AUDIT DALAM	Pengurusan Kewangan		/
14	UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	Pengurusan Kebenaran Merancang	/	
15	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	Pengurusan Kawalan Bangunan	/	
16	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	Pengurusan Infra Rangkaian dan Aplikasi	/	

Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan MBI, 2019.

5.3 SUMBER KEWANGAN

Pelaksanaan RT MBI ialah melalui pelaksanaan cadangan projek / program secara sistematik dan diikuti dengan pemantauan, penilaian dan kajian semula setiap lima tahun. Cadangan guna tanah mengikut zoning dilaksanakan melalui pengawalan perancangan, khususnya melalui Kebenaran Merancang (KM) yang diluluskan oleh MBI kepada pemaju awam dan swasta.

Pelaksanaan RT yang efisien akan membawa kepada peningkatan hasil kepada MBI, tetapi juga memerlukan sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan projek dan program yang dicadangkan. Pelaksanaan RT MBI memerlukan kewangan yang mencukupi, samada daripada sumber kewangan MBI sendiri atau daripada kerajaan negeri, mahu pun kerajaan persekutuan atau daripada melalui pembiayaan pihak swasta.

5.3.1 SUMBER KEWANGAN DAN PENDAPATAN

Jadual 5.2 di bawah menunjukkan hasil pendapatan, perbelanjaan dan lebihan / defisit bagi MBI dari tahun 2015 sehingga tahun 2018.

Jadual 5.2 : Maklumat Pendapatan dan Perbelanjaan MBI 2015 – 2018

TAHUN	PENDAPATAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	LEBIHAN / DEFISIT (RM)
2015	192,336,567	177,831,424	14,505,143
2016	212,726,090	191,785,342	20,940,748
2017	243,862,747	198,220,270	45,642,477
2018	234,509,387	209,342,791	25,166,596

Sumber : i) Jabatan Perbendaharaan MBI, 2019

ii) Laporan Tahunan MBI Tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018.

- Jadual 5.2 menunjukkan peningkatan hasil pendapatan dan perbelanjaan bagi Majlis Bandaraya Ipoh pada tahun 2015 sehingga 2018. Walaupun mempunyai tren pertumbuhan yang baik, hal ini tidak boleh diambil mudah bagi menjamin kelangsungan sasaran pertumbuhan organisasi Majlis Bandaraya Ipoh itu sendiri.
- Kepesatan pembangunan di kawasan kajian yang dijangka berlaku pada masa akan datang dan penambahan jumlah kelulusan KM oleh MBI akan meningkatkan hasil cukai dan hasil bukan cukai MBI. Namun demikian, pelaksanaan projek / program RT, terutama di peringkat awal, memerlukan peruntukan yang mencukupi daripada Majlis Bandaraya Ipoh sendiri, Kerajaan Negeri Perak, Kerajaan Persekutuan, Agensi Kerajaan dan Agensi Swasta.
- Selain itu, terdapat beberapa langkah yang wajar diambil oleh MBI untuk menjana pendapatan di peringkat PBT. Antaranya adalah seperti berikut :
 - i. Mengutip cukai – cukai yang tertunggak;
 - ii. Mengenakan denda kepada pemaju yang tidak mematuhi syarat kelulusan yang telah dikeluarkan;
 - iii. Mewujudkan lokasi bagi program, aktiviti serta festival antarabangsa yang membolehkan MBI mengenakan caj bayaran kepada peniaga;
 - iv. Menggalakkan penganjuran aktiviti taklimat informasi kepada umum yang membolehkan MBI mengenakan caj kepada penganjur program; dan
 - v. Mengenakan denda kepada kilang yang tidak mematuhi syarat program pemutihan yang dijalankan oleh MBI.

6.0 ANALISIS QUICK WIN

Analisis *quick win* dilakukan bagi mengenalpasti tahap dan kesesuaian pelaksanaan cadangan, projek dan program bagi RT MBI 2035 (Penggantian) berasaskan kos dan impak.

Analisis ini dilakukan berpandukan maklumat kos yang telah dikenalpasti bagi setiap cadangan, projek dan program. Penetapan skala kos (tinggi dan rendah) adalah berpandukan nilai yang telah dikenalpasti bagi setiap cadangan.

Manakala, aspek impak yang diambil kira adalah terdiri daripada impak masa pelaksanaan dan masa pulangan seperti Jadual 6.1 di bawah.



Jadual 6.1 : Definisi impak masa pelaksanaan dan impak masa pulangan

IMPAK MASA PELAKSANAAN	Pelaksanaan sesuatu cadangan yang berpotensi memakan kos pelaksanaan yang tinggi / rendah dan impak terhadap alam sekitar dan komuniti
IMPAK MASA PULANGAN	Impak selepas pelaksanaan cadangan terhadap komuniti, alam sekitar, ekonomi dan sosial di Kawasan RT.

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

6.1 PENETAPAN CADANGAN BERASASKAN PROJEK QUICK WIN, PROJEK BERIMPAK TINGGI DAN PROJEK EPP /SOKONGAN

1) PROJEK BERIMPAK TINGGI (HIGH IMPACT PROJECT)

Projek yang berpotensi, strategik dan memberi impak besar jangka panjang kepada pertumbuhan ekonomi negeri/negara, meningkatkan peluang pekerjaan serta mempunyai nilai pelaburan yang tinggi.

2) PROJEK QUICK WIN YANG MENYOKONG PEMBANGUNAN SEMASA

Projek yang mempunyai manfaat sebaik pelaksanaannya dan boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin.

3) PROJEK EPP / SOKONGAN (ENTRY POINT PROJECT)

Projek yang mempunyai jangka masa panjang (boleh melebihi jangka masa yang ditetapkan dalam Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

6.2 CADANGAN PROJEK MENGIKUT TERAS DAN CADANGAN PEMBANGUNAN

Cadangan projek / program bagi Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) ini diklasifikasikan kepada tiga (3) aspek iaitu projek berimpak tinggi, projek *quick win* dan projek sokongan.

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA					
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA				
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH													
M1 PEMBANGUNAN KAWASAN BROWNFIELD													
M1-1	Pembangunan Semula Perumahan Sungai Pari Tower Sebagai Perumahan Mampu Milik / Rumah Perakku	<i>Quick Win</i>	RM 1 Juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Swasta				
M1-2	Pembangunan Semula Persekutuan Lot Kedai di Station18 Dan Pusat Perdagangan Pulai Sebagai Kawasan Komersial Berdaya Maju	<i>Quick Win</i>	RM 100 Ribu	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Swasta				
M2 MEMBANGUNKAN KAWASAN BERKEPENTINGAN DAN MEMBERI IMPAK PEMBANGUNAN DAN IMEJ IPOH													
M2-1	Pembangunan Semula Rumah Pangsa Waller Court	<i>Quick Win</i>	RM 1.2 Juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Swasta				
M2-2	Pembangunan Semula Kampung Paloh	<i>Quick Win</i>	RM 25 Ribu	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Tourism Perak • Majlis Bandaraya Ipoh	• Jabatan Warisan Negeri Perak				
M2-3	Pembangunan Semula Pesisir Sungai Kinta dan Jejak Warisan Kampung Kuchai	<i>Quick Win</i>	RM 150 Ribu	• Kerajaan Negeri dan Swasta									
M3 PENGURUSAN SUMBER AIR YANG BERSEPADU													
M3-1	Mengurangkan kadar <i>Non Revenue Water</i> (NRW) daripada 24.0%* kepada 20.0 % pada tahun 2035	<i>Projek Sokongan</i>	RM 3.5 Juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Lembaga Air Perak (LAP)	• Lembaga Air Perak (LAP)				
M3-2	Meningkatkan julat rizab (<i>reserve margin</i>) sehingga 20% seperti yang ditetapkan oleh SPAN sebanyak 15-20%			• Kerajaan Negeri dan Swasta									
M4 PENYEDIAAN KEMUDAHAN BEKALAN ELEKTRIK YANG MENCUKUPI DI SELURUH KAWASAN KAJIAN													
M4-1	Meningkatkan kapasiti PMU sedia ada dan pembinaan PMU baru seiring dengan pertambahan permintaan bekalan	<i>Projek Sokongan</i>	RM 5 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Tenaga Nasional Berhad (TNB)	• Tenaga Nasional Berhad (TNB)				

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (sambungan)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA				
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA			
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH												
M4	PENYEDIAAN KEMUDAHAN BEKALAN ELEKTRIK YANG MENCUKUPI DI SELURUH KAWASAN KAJIAN											
M4-2	Kecekapan perkhidmatan kepada kerosakan yang dinilai melalui Indeks SAIDI dipertingkatkan	<i>Projek Sokongan</i>	RM 2 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Tenaga Nasional Berhad (TNB)	• Tenaga Nasional Berhad (TNB)			
M4-3	Rizab lot bagi cadangan peletakan tapak PMU/PPU untuk keperluan bekalan elektrik akan datang		-									
M5	MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN JALUR LEBAR DI BANDAR IPOH, KANTHAN, TASEK DAN MINGLEMBU											
M5-1	Memberi keutamaan kepada rancangan pembangunan kabel gentian optik berkelajuan tinggi dengan jajaran gentian seluruh kawasan kajian bagi mempercepatkan akses jalur lebar dan penghantaran data secara lebih meluas, cekap dan berkesan	<i>Projek Sokongan</i>	RM 10 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • Digital Perak (APIIT) • Syarikat – syarikat Telco				
M5-2	Penawaran lebih banyak produk-produk jalur lebar, internet dan 5G khususnya di kawasan-kawasan bandar dan tumpuan pembangunan serta aktiviti perdagangan		RM 1.5 juta									
M5-3	Pengenapstian rizab tanah bagi pemasangan laluan kabel dan gentian baru		-									
M5-4	Penerapan penggunaan <i>Information and Communication Technology (ICT)</i> kepada masyarakat setempat		RM 300,000									
M5-5	Mengaplikasi Konsep Bandar Pintar secara menyeluruh dengan menggalakkan lagi Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP)	<i>Projek Impak Tinggi</i>	-					• Majlis Bandaraya Ipoh • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • Digital Perak (APIIT)				

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (sambungan)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA				
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA			
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH												
M6	PENGGUNAAN LOJI RAWATAN KUMBahan YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN SETEMPAT											
M6-1	Meningkatkan peratusan penduduk yang mendapat akses loji rawatan kumbahan moden (berdasarkan kuantiti PE terpasang)	<i>Projek Sokongan</i>	RM 15.5 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Indah Water Konsuritium (IWK)	• Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) Indah Water Konsuritium (IWK)			
M6-2	Meningkatkan penggunaan <i>Centralized Sewerage Treatment Plant</i> (CSTP) di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi		RM 3.5 juta									
M7	PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU DENGAN SISTEM RAWATAN SISA BERLANDASKAN TEKNOLOGI DAN TUMPUAN KEPADA PENGAWALAN TERHADAP PENCEMARAN											
M7-1	Mengkaji alternatif kepada tapak pelupusan melalui kaedah pembakaran seperti <i>incinerator</i> , <i>material recover facility</i> (MRF) atau <i>Integrated Resource Recovery Center</i> (IRRC)	<i>Projek Sokongan</i>	RM 6.8 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh				
M7-2	Menaiktaraf Atau Sekurang-kurangnya Mengekalkan Tahap Tapak Pelupusan Sanitari Lahat Yang Terletak di Kawasan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) Supaya Sisa Pepejal Dari Beberapa Mukim Dapat Dilupuskan Termasuk Kawasan Kajian		RM 4.5 juta									
M7-3	Membuat pemantauan berkala dan mengenakan denda bagi pihak yang membuat sisa pepejal di tempat yang haram serta penguatkuasaan juga perlu dipertingkat.	<i>Quick Win</i>	RM 250,000	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Majlis Bandaraya Ipoh • Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak			
M7-4	Membenarkan hanya aktiviti yang berkaitan pelupusan sisa pepejal sahaja beroperasi di kawasan tapak pelupusan		RM 150,000									

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (*sambungan*)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA		
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA	
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH										
M7	PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU DENGAN SISTEM RAWATAN SISA BERLANDASKAN TEKNOLOGI DAN TUMPUAN KEPADA PENGAWALAN TERHADAP PENCEMARAN									
M7-5	Memperkenalkan kaedah pengkomposan sisa secara lebih menyeluruh di semua BP terlibat dan menambah lokasi pusat pengkomposan sedia ada seperti yang sedia dilaksanakan oleh pihak MBI terutamanya di restoran-restoran serta pasar basah	Quick Win	RM 1.5 juta	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh • Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak		
M7-6	Membina lebih banyak pusat pengumpulan dan pemprosesan bahan-bahan buangan yang boleh dikitar semula berhampiran sekolah atau balai raya supaya lebih mudah diakses dan dipantau / urus oleh masyarakat setempat		RM 3 juta							
M7-7	Menyediakan lebih banyak tong sampah kitar semula di kawasan-kawasan sekolah, perumahan dan kawasan industri		RM 1.5 juta							
M7-8	Meningkatkan kadar kitar semula kepada 25% pada tahun 2035 memandangkan kadar kitar semula nasional pada masa kini hanya 10% berbanding negara maju sebanyak 40%		RM 300,000							
M7-9	Kempen bersama Kerajaan Negeri dapat dijalankan melalui sistem pendidikan		RM 200,000							
M7-10	Penilaian secara berkala ke atas kontraktor pengurusan sisa pepejal untuk meningkatkan mutu perkhidmatan									

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (*sambungan*)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA				
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA			
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH												
M8	CADANGAN PENGUKUHAN (REINFORCEMENT) SISTEM PENGAGIHAN GAS ASLI KE LEMBAH KINTA DARI CHANGKAT JERING											
M8-1	Menwujudkan sistem pengukuhan pembekalan gas dari Changkat Jering ke Chemor(67KM)	<i>Projek Impak Tinggi</i>	RM 87 Juta	Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Swasta				Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Tenaga UPEN 			
M8-2	Merizabkan tanah utiliti untuk diletakkan "District Station" bagi mengaturcara tekanan gas dari tinggi ke rendah untuk kegunaan Kawasan industri kecil-sederhana.	<i>Projek Impak Tinggi</i>		Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Swasta				Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Tenaga UPEN 			
M8-3	Mewujudkan sebuah lagi stesen tambahan untuk menyokong stesen sediada di Taman Perindustrian Seramik	<i>Projek Impak Tinggi</i>		Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Swasta				Kerajaan Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Suruhanjaya Tenaga UPEN 			
M9	KAWALAN PENCEMARAN KUALITI AIR SUNGAI DALAM KAWASAN KAJIAN											
M9-1	Meneruskan Program-program Kawalan Pencemaran Kualiti Air Sungai dalam kawasan kajian	<i>Quick Win</i>	RM 1 juta	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri dan Swasta 				<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Ipoh 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak 			
M9-2	Mengadakan program sungai angkat melibatkan sekolah (1 sekolah 1 sungai)	<i>Quick Win</i>	RM 350,000						<ul style="list-style-type: none"> Jab.Pengairan dan Saliran. 			
M10	MEMBANGUNKAN PERSEKITARAN KAWASAN SUNGAI KINTA, SUNGAI PINJI, SUNGAI PARI DAN SUNGAI SEROKAI											
M10-1	Mewujudkan aktiviti rekreasi sukan air di kawasan sungai	<i>Quick Win</i>	RM 500,000	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri dan Swasta 				<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Ipoh 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak 			
M10-2	Meneruskan Program Pendidikan Sungai - Sg. Kinta		RM 500,000									
M10-3	Melaksanakan Program Pendidikan Sungai di Sg. Pinji, Sg. Pari dan Sg. Serokai		RM 500,000									
M11	KAWALAN PENCEMARAN KUALITI AIR TANAH											
M11-1	Melupuskan semua sisa dengan cara yang betul	<i>Quick Win</i>	RM 1 juta	<ul style="list-style-type: none"> Kerajaan Negeri dan Swasta 				<ul style="list-style-type: none"> Majlis Bandaraya Ipoh 	<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak 			
M11-2	Menyelenggara kawasan tapak pelupusan secara berkala		RM 3 juta						<ul style="list-style-type: none"> Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak 			
M11-3	Menjalankan kajian <i>Soil Investigation (SI)</i>		RM 800,000									

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (*sambungan*)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA				
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA			
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH												
M12	PENGURANGAN POTENSI PENURUNAN KUALITI UDARA											
M12-1	Menggalakkan penggunaan kenderaan awam	<i>Projek Sokongan</i>	RM 200,000	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak			
M12-2	Mengitar semula bahan buangan seperti plastik, kertas, tin dan aluminium		RM 100,000									
M12-3	Mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani isu jerebu terutamanya apabila melibatkan jerebu yang merentasi sempadan		RM 1.2 juta									
M12-4	Melaksanakan Program-program Kesedaran Hijau dan Penggalakkan Pembangunan Berkonsep Hijau		RM 500,000									
M12-5	Pemantauan Berkala Dilakukan Ke Atas Premis Industri Yang Berpotensi Membebaskan Gas Berbahaya		RM 400,000									
M13	KAWALAN PARAS BUNYI BISING											
M13-1	Menguatkuasakan undang-undang bagi sebarang aktiviti yang dijalankan di atas guna tanah yang berbeza dan menyumbang kepada bunyi bising	<i>Quick Win</i>	RM 600,000	• Kerajaan Negeri dan Swasta				• Majlis Bandaraya Ipoh	• Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak			
M13-2	Memastikan terdapat sempadan (zon penampang) yang mencukupi		RM 300,000									

Sumber : Kajian Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian)

Jadual 6.2 : Senarai keseluruhan Cadangan Projek Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Ipoh 2035 (Penggantian) (sambungan)

KOD	SENARAI CADANGAN	KLASIFIKASI CADANGAN PROJEK	ANGGARAN KOS	SUMBER KEWANGAN	FASA			AGENSI PELAKSANA				
					1	2	3	PENERAJU	PELAKSANA			
TERAS PEMBANGUNAN 1 : GUNA TANAH SPATIAL MAMPAH												
M14	MEMELIHARA DAN MEMULIHARA KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR											
M14-1	Meletakkan papan tanda amaran di laluan masuk ke hutan simpanan kekal sebagai arahan larangan melakukan sebarang aktiviti dalam kawasan hutan simpanan kekal	<i>Quick Win</i>	RM 250,000	<i>Kerajaan Negeri dan Swasta</i>				<i>Majlis Bandaraya Ipoh</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perhutanan Negeri Perak • Jabatan Saliran dan Pengairan Negeri Perak • Jabatan Perhilitan Negeri Perak 			
M14-2	Meletakkan 50 meter tebing sungai sebagai rizab bagi kawasan riparian dan takungan banjir		RM 400,000									
M14-3	Menambah bilangan perangkap hidupan liar terutamanya bagi perangkap kera dan babi hutan bagi mengelakkan hidupan liar berleluasa di kawasan petempatan manusia	<i>Projek Sokongan</i>	RM 300,000	<i>Kerajaan Negeri dan Swasta</i>				<i>Majlis Bandaraya Ipoh</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perhutanan Negeri Perak • Jabatan Saliran dan Pengairan Negeri Perak • Jabatan Perhilitan Negeri Perak 			
M14-4	Memelihara Gunung Datok, Gugusan Gunung Rapat, Gunung Panjang (Gua Tambun), Gunung Kanthan dan Gunung Lang bagi tujuan pelancongan (edu-tourism)	<i>Quick Win</i>	RM 200,000									
M14-5	Mengekalkan kawasan yang diletakkan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)	<i>Projek Impak Tinggi</i>	RM 500,000									
M15	MENGURANGKAN RISIKO KEJADIAN LUBANG BENAM DAN RUNTUHAN BATU											
M15-1	Mengurangkan Risiko Kejadian Lubang Benam	<i>Quick Win</i>	RM 450,000	<i>Kerajaan Negeri dan Swasta</i>				<i>Majlis Bandaraya Ipoh</i>	<i>Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak</i>			
M15-2	Mengatasi Kejadian Runtuhan Batu		RM 600,000									
M16	PELAKSANAAN PELAN MITIGASI BANJIR											
